

MENELITI KEGIATAN JENAYAH DAN PENGLIBATAN ETNIK: PERBANDINGAN ANTARA SELANGOR DAN PERAK

Oleh:

Ruzaini Sulaiman @ Abd. Rahim

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan menganalisis perbandingan kegiatan jenayah harta benda dan jenayah ke atas manusia yang berlaku di Selangor dan Perak semasa pemerintahan British. Kaedah penyelidikan sejarah digunakan dengan membuat penelitian ke atas dokumen-dokumen arkib. Pemilihan negeri Selangor dan Perak sebagai perbandingan disebabkan oleh kedua-dua negeri ini telah menerima kemasukan kumpulan imigran secara besar-besaran sejak berlaku pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sepanjang tempoh yang dipaparkan, berlaku peningkatan dan juga pengurangan kadar jenayah bagi kedua-dua negeri disebabkan oleh pelbagai faktor yang mempengaruhi situasi tersebut. Perbandingan dilakukan untuk melihat negeri manakah yang mempunyai kadar jenayah yang paling serius dan etnik manakah yang mempunyai kadar penglibatan paling tinggi dalam kedua-dua kategori jenayah tersebut. Beberapa aspek utama ditonjolkan bagi tujuan perbandingan antaranya ialah jumlah populasi penduduk dengan kadar kes jenayah, kepadatan penduduk mengikut keluasan batu persegi dan jumlah banduan atau pesalah yang dipenjarakan. Dapatan kajian menunjukkan kegiatan jenayah yang berlaku di Selangor

lebih serius berbanding Perak. Komuniti Cina didapati menguasai kadar kes jenayah berbanding kaum Melayu dan India.

Kata Kunci: Etnik, Jenayah, Selangor, Perak,

PENDAHULUAN

Selangor dan Perak merupakan antara negeri yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Peningkatan dan kekerapan kejadian jenayah serius di kedua-dua buah negeri ini berpunca daripada perubahan bentuk aktiviti ekonomi daripada pertanian kepada perindustrian dan perdagangan. Perkembangan perindustrian terutama aktiviti perlombongan bijih timah dan perladangan getah telah membawa kepada kemasukan secara beramai-ramai buruh dari China dan India. Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah membawa kepada kemasukan secara besar-besaran komuniti Cina. Mereka membina penempatan di kawasan-kawasan perlombongan yang akhirnya berkembang menjadi bandar-bandar baru. Begitu juga kemasukan komuniti India yang turut menyumbang kepada peningkatan populasi penduduk secara mendadak. Kesan daripada penghijrahan masuk imigran-imigran Cina dan India tanpa sekatan telah mewujudkan kawasan yang sesak dan padat sehingga terbinanya banyak penempatan setinggan. Kesukaran timbul dalam mencari dan menampung keperluan hidup menyebabkan kegiatan-kegiatan jenayah meningkat terutama ketika berlaku kemelesetan ekonomi [1]

Senario Jenayah di Selangor Dan Perak Serta Penglibatan Etnik

Jadual 1 mengandungi data berkaitan dengan perbandingan jenayah harta benda dan jenayah ke atas manusia yang berlaku di Selangor dan Perak dalam tempoh tiga puluh tahun iaitu dari tahun 1907 hingga 1936. Hasil analisis data menunjukkan bahawa jenayah harta benda yang melibatkan kes rompakan berkumpulan, rompakan, pecah rumah dan kecurian serius dan jenayah ke atas manusia yang melibatkan kes bunuh di kedua-dua negeri tersebut mempunyai tempoh-tempoh peningkatan dan penurunan kadar jenayah yang hampir sama.

Jadual 1 Perbandingan jenayah harta benda dan jenayah ke atas manusia di Selangor dan Perak, 1907-1936

Selangor			Perak		
Tahun	Jenayah Harta Benda	Jenayah Ke atas Manusia	Tahun	Jenayah Harta Benda	Jenayah Ke atas Manusia
1907	424	11	1907	510	20
1908	326	23	1908	585	44
1909	209	18	1909	448	21
1910	164	15	1910	399	30
1911	188	27	1911	485	30
1912	356	33	1912	492	49
1913	259	30	1913	409	56
1914	388	45	1914	418	61
1915	415	45	1915	311	41
1916	258	20	1916	290	52
1917	221	29	1917	315	47
1918	232	27	1918	322	57
1919	284	45	1919	417	52
1920	271	34	1920	481	39
1921	289	42	1921	365	52
1922	204	35	1922	255	51
1923	133	23	1923	253	28
1924	117	30	1924	272	30
1925	120	15	1925	242	40
1926	204	18	1926	361	23
1927	-	-	1927	-	-
1928	250*	19	1928	326*	26
1929	322*	26	1929	507*	35
1930	380*	24	1930	728*	49
1931	480*	17	1931	873*	45
1932	530*	23	1932	950*	32
1933	460*	19	1933	743*	32
1934	351*	13	1934	486*	13
1935	429*	12	1935	508*	17
1936	378*	14	1936	483*	13

* Jumlah kes yang dipaparkan adalah tidak termasuk kes kecurian serius akibat daripada ketiadaan data dalam tempoh tersebut.

* CO adalah singkatan bagi Colonial Office.

Sumber: CO576/3, 1909, hlm. 190, CO576/4, 1910, hlm. 42 & 179, CO576/6, 1911, hlm. 61, CO576/9, 1912, hlm. 164, CO576/10, 1913, hlm. 190, CO576/12, 1915, hlm. 178, CO576/16, 1917, hlm. 33, CO576/18, 1918, hlm. 28, CO576/19, 1919, hlm. 26, CO576/22, 1920, hlm. 22 & 159, CO576/24, 1922, hlm. 21, CO576/25, 1923, hlm. 24, CO576/25, 1924, hlm. 25, CO576/28, 1925, hlm. 33, CO576/30, 1926, hlm. 39, CO576/32, 1927, hlm. 376, CO576/34, 1928, hlm. 50, CO439/3, 1912, hlm. 212, CO439/3, 1913, hlm. 245, CO439/3, 1914, hlm. 278, CO439/3, 1915, hlm. 312, CO439/3, 1916 hlm. 345, CO439/3, 1917, hlm. 376, CO439/3, 1918, hlm. 397, CO439/3, 1919, hlm. 422, CO439/3, 1920, hlm. 443, CO439/3, 1921, hlm. 465, CO439/3, 1922, hlm. 483, CO439/3, 1923, hlm. 502, CO439/4, 1925, hlm. 6, CO439/4, 1932, hlm. 253, CO439/4, 1934, hlm. 368, CO439/4, 1935, hlm. 428, CO439/4, 1936, hlm. 518, CO439/4: 1937, hlm. 617, CO438/3, 1919, hlm. 257, CO438/4, 1922, hlm. 314, CO438/4, 1923, hlm. 334, CO438/5, 1926, hlm. 10, CO438/5, 1928, hlm. 93, CO438/5, 1930, hlm. 138, CO438/5, 1931, hlm. 163, CO438/5, 1933, hlm. 247, CO438/5, 1935, hlm. 358, CO438/5, 1936, hlm. 430, CO438/5, 1938, hlm. 587.

Terdapat tiga tempoh berlaku peningkatan kadar jenayah iaitu sekitar 1913-1915, 1919-1921 dan 1928-1933. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan kedudukan ekonomi Tanah Melayu yang sentiasa berubah-ubah akibat daripada kebergantungannya kepada harga bijih timah dan getah di pasaran antarabangsa terutama bagi negeri Selangor dan Perak yang merupakan negeri pengeluar utama bijih timah di Tanah Melayu. Apabila berlaku kemelesetan ekonomi yang membawa kepada kejatuhan teruk harga timah terutama dalam tiga tempoh tersebut menyebabkan Selangor dan Perak berdepan dengan peningkatan kadar jenayah terutama jenayah harta benda. Menurut H. Marriot dalam *Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay State for the year 1928*, kejatuhan harga

timah telah menyebabkan berlaku peningkatan secara mendadak jumlah jenayah terutama jenayah rompakan dan rompakan berkumpulan akibat daripada pembuangan secara besar-besaran buruh lombong dan buruh yang bekerja sebagai pencari kayu api untuk kegunaan aktiviti perlombongan.[2]

Dilihat pula perkaitan antara jumlah populasi penduduk Selangor dan Perak dengan jumlah kes jenayah harta benda dan jenayah ke atas manusia. Bagi jenayah harta benda, dengan melihat tahun 1915 sebagai mewakili tempoh kemelesetan ekonomi 1913-1915, Selangor mencatatkan nisbah kes jenayah harta benda dengan jumlah populasi penduduk adalah 1:700, manakala Perak pula, nisbah yang dicatatkan bagi kes jenayah harta benda adalah 1: 1,600 [3]. Nisbah ini menunjukkan bahawa Selangor mempunyai jumlah kes jenayah harta benda yang lebih serius berbanding Perak. Situasi yang sama juga berlaku dalam tempoh kemelesetan ekonomi sekitar 1919 hingga 1921, tahun 1921 telah dipilih, Selangor mencatatkan nisbah 1:1400 berbanding Perak yang menunjukkan kadar nisbah 1:1600 [4] Keadaan ini berlaku antaranya disebabkan pertama, penghijrahan masuk orang Cina ke Selangor pada tahun 1921 lebih tinggi iaitu sebanyak 13.1 peratus atau 19,779 orang berbanding Perak yang hanya menerima kemasukan orang Cina sebanyak 3.3 peratus atau 7,380 orang sahaja [5] Menurut C. H. W. Cochrane: [6]

“The considerable increase in seizable crime may be attributed to the fall in the prices of rubber and tin and to the large influx of Chinese labour”.

Kedua, jika dibandingkan keluasan batu persegi kedua-dua buah negeri tersebut dengan jumlah penduduk, Selangor merupakan negeri yang lebih padat dalam tahun 1921, bagi setiap satu batu persegi jumlah penduduknya seramai 125 orang berbanding Perak yang hanya berjumlah 92 orang sahaja [7] Kepadatan penduduk di Selangor terutama kawasan bandar yang menjadi tumpuan penduduk Cina menyebabkan kadar jenayah di Selangor lebih serius berbanding Perak. Dalam tahun 1931 pula, nisbah antara kes jenayah harta benda dengan populasi penduduk di Selangor mencatatkan 1:1100 dan Perak pula 1:900 [8] Dalam tempoh kemelesetan ekonomi sekitar 1929 hingga 1933 ini, Perak dan Selangor menunjukkan kadar jenayah harta benda yang agak setara walaupun Perak menunjukkan nisbah yang agak serius tetapi tidak terlalu berbeza.

Bagi jenayah bunuh pula, dalam tahun 1915, Selangor mencatatkan nisbah sebanyak 1:6500 dan Perak menunjukkan kadar jenayah bunuh yang rendah iaitu sebanyak 1:12000. Keadaan yang sama juga berlaku sekitar tempoh kemelesetan 1919-1921, di mana dalam tahun 1921, nisbah kejadian bunuh dengan jumlah penduduk di Selangor menunjukkan kadar yang lebih serius berbanding Perak iaitu 1:9500 manakala Perak, 1:11500. Berbeza pula dalam tempoh kemelesetan ekonomi 1929-1933 di mana Perak pula mempunyai kadar kekerapan jenayah bunuh yang serius berbanding Selangor iaitu dalam tahun 1931, nisbah kejadian bunuh dengan jumlah penduduk adalah hanya sebanyak 1:17000 berbanding Selangor yang mencatatkan nisbah 1:31300 [9].

Perbandingan kadar penglibatan penduduk di Selangor dan Perak dalam

jenayah harta benda dan jenayah bunuh juga boleh dilihat dari aspek pelaksanaan hukuman penjara di negeri masing-masing. Dalam tempoh kemeseletan ekonomi sekitar 1929-1933 iaitu dalam tahun 1929, jumlah pesalah yang dihukum penjara di Selangor berjumlah 1,985 orang atau 495 bagi setiap 100,000 penduduk. Kebanyakan daripada pesalah ini adalah mereka yang dikaitkan dengan jenayah harta benda dan jenayah ke atas manusia. Seramai 551 banduan yang didaftar masuk akibat daripada kesalahan jenayah harta benda dan 154 banduan atas kesalahan jenayah ke atas manusia. Perak pula mencatatkan jumlah pesalah yang didaftar masuk ke penjara utama iaitu penjara Taiping dan Batu Gajah berjumlah 2,942 atau 491 bagi setiap 100,000 penduduk [10].

Dalam tahun 1930, jumlah pesalah yang didaftar masuk di Selangor berjumlah 2,061 atau 514 bagi setiap 100,000 penduduk manakala Perak pula berjumlah 3,663 atau 611 bagi setiap 100,000 penduduk. Kesalahan yang berkaitan dengan jenayah harta benda dan jenayah ke atas manusia terus menunjukkan jumlah yang paling tinggi iaitu seramai 820 pesalah dimasukkan ke penjara Kuala Lumpur dan 675 pesalah pula di penjara Taiping dan Batu Gajah [11]. Dalam tahun 1931 pula, penjara Kuala Lumpur telah menerima kemasukan banduan seramai 3,202 atau 798 bagi setiap 100,000 penduduk dan Perak mencatatkan jumlah banduan yang didaftarkan seramai 4,944 atau 825 bagi setiap 100,000 orang. Tetapi dalam tahun tersebut, pesalah yang melakukan kesalahan jenayah harta benda yang direkodkan berjumlah 828 orang di Selangor dan Perak pula berjumlah 601 orang [12]. Berdasarkan kepada rekod kemasukan banduan dan jumlah kesalahan yang melibatkan kedua-dua jenayah dalam tempoh tiga tahun di atas, Selangor telah

menunjukkan kadar penglibatan jenayah yang lebih serius berbanding Perak terutama dalam jenayah harta benda.

Dilihat pula dari aspek dominasi kaum, komuniti Cina didapati menguasai jumlah kegiatan jenayah di kedua-dua buah negeri. Antara faktor utama yang dapat dikaitkan dengan penguasaan mereka adalah pertama, jenis aktiviti ekonomi mereka yang mendedahkan kumpulan ini kepada pelakuan jenayah dan kedua, penempatan mereka di daerah-daerah perlombongan dan kawasan-kawasan bandar menyebabkan mereka terus mendominasi kegiatan jenayah. Di Selangor, daerah-daerah utama perlombongan telah menjadi tumpuan komuniti Cina iaitu Kuala Lumpur, Ulu Selangor, Ulu Langat dan Klang menunjukkan kadar jenayah yang tinggi [13]. Kegiatan jenayah terutama jenayah harta benda yang berlaku di kawasan-kawasan tersebut seringkali dilakukan oleh mereka yang tinggal menetap di kawasan tersebut [14].

Bagi Perak pula, tumpuan yang menjadi penempatan komuniti Cina juga menunjukkan kadar jenayah yang tinggi iaitu seluruh Kinta yang merangkumi kawasan Ipoh, Batu Gajah dan Kampar manakala Selatan Perak yang melibatkan kawasan Hilir Perak dan Batang Padang. Selain daripada itu, kawasan Larut di Utara Perak juga menjadi penempatan utama komuniti Cina. Kesemua kawasan ini merupakan kawasan-kawasan utama aktiviti perlombongan bijih timah. [15] Menurut J. E. Kemple: [16]

“Ipoh district, with a total 1,057 seizable offences reported, totalled many more than any other district in Perak, Telok Anson being second with 568. Kinta, with the adjoining districts of

Tapah and Sungei Siput North, accounted for 55 out of the 67 robberies and 38 of the 47 gang-robberies”.

Penguasaan kaum Cina dalam kegiatan jenayah di Selangor dan Perak juga boleh dibuktikan dengan jumlah mereka yang menerima hukuman buang negeri berbanding kaum Melayu dan India. Dalam tahun 1916, Selangor mencatatkan bilangan yang menerima hukuman ini sebanyak 203 orang dan daripada jumlah ini seramai 169 atau 83 peratus adalah komuniti Cina, India pula berjumlah 33 orang dan Melayu hanya berjumlah tiga orang sahaja. Walaupun berlaku penurunan jumlah pesalah yang menerima hukuman buang negeri pada tahun 1917, iaitu hanya berjumlah 138 tetapi peratusan komuniti Cina yang menerima hukuman ini meningkat kepada 88 peratus atau 122 orang [17] Kebanyakan daripada mereka terlibat dalam jenayah berat seperti rompakan dan rompakan berkumpulan atau turut melakukan jenayah bunuh ketika melakukan rompakan tersebut [18] Senario yang sama juga berlaku di Perak dan dibuktikan dalam tahun 1918, jumlah banduan yang telah dibuang negeri di Perak berjumlah 254 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 216 banduan atau 85 peratus terdiri daripada komuniti Cina dan selebihnya enam orang dari kaum Melayu, 30 orang kaum India dan dua orang rakyat Jepun [19] Penguasaan jumlah pesalah yang menerima hukuman ini terus dikuasai oleh komuniti Cina pada tahun 1919 dengan 218 orang atau 83 peratus daripada 262 orang yang telah dijatuhi hukuman tersebut. Kebanyakan komuniti Cina di Perak yang menerima hukuman ini juga adalah mereka yang terlibat dengan jenayah berbahaya seperti rompakan atau rompakan berkumpulan.[20]

KESIMPULAN

Negeri Selangor dan Perak merupakan dua buah negeri yang menjadi tumpuan penghijrahan masuk komuniti Cina dan India sebelum penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu lagi. Tarikan longgokan bijih timah yang banyak di kedua-dua negeri tersebut telah menarik minat komuniti Cina terutama selepas pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Komuniti India pula memenuhi daerah-daerah perladangan getah. Penelitian ke atas beberapa aspek utama iaitu jumlah populasi penduduk dengan kerancakan kes-kes yang dilaporkan, keluasan batu persegi dengan kepadatan penduduk, jumlah pesalah yang didaftarkan masuk ke penjara di kedua-dua buah negeri menunjukkan kegiatan jenayah yang berlaku di Selangor lebih serius berbanding Perak walaupun kedua-dua buah negeri ini menjadi tumpuan kumpulan imigran. Penguasaan Selangor dalam kes-kes jenayah harta benda lebih jelas apabila negeri itu berdepan dengan tempoh-tempoh berlakunya kemelesetan ekonomi. Dari aspek dominasi kaum, komuniti Cina didapati menguasai jumlah kegiatan jenayah di kedua-dua buah negeri. Walaupun peratusan penglibatan komuniti India dan Melayu dalam kegiatan jenayah harta benda dan jenayah ke atas manusia, ia masih dalam jumlah yang kecil berbanding penglibatan komuniti Cina.

RUJUKAN

- [1] CO439/4, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1928 by C.H.W. Cochrane, hlm. 104, Lihat juga dalam CO576/45, Review of Affairs in the Federated Malay States, 1932, Compiled in the Federal Secretariat

- from Information Supplied by Heads of Departments dalam Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the year 1932 with Appendix, hlm. 254.
- [2] CO576/35, Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the year 1928 with Appendix by H. Marriot, hlm. 336.
- [3] Jumlah populasi penduduk telah dikenakan kepada perpuluhan paling hampir bagi memudahkan pengiraan. Bagi melihat nisbah jenayah dengan jumlah penduduk pada tahun 1915, populasi tahun 1911 diambil kira disebabkan bancian hanya dilakukan sepuluh tahun sekali. Dalam tahun 1911 populasi penduduk Selangor berjumlah 294,035, manakala Perak pula mencatatkan jumlah penduduk seramai 494,057 orang. Lihat dalam Federated Malay States: Review Of the Census Operations and Results Including Tables Exhibiting The Population by Sex, Age, Birthplace, Religion And Occupation 1911. Compiled by: A. M. Pountney., hlm. 96 & 120.
- [4] Dalam tahun 1921, Selangor mempunyai penduduk berjumlah 401,009 dan Perak pula berjumlah 599,055 orang. Lihat dalam The Census Of British Malaya (The Straits Settlement, Federated Malay States And Protected States Of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu and Brunai) 1921, hlm. 149.
- [5] Bagi negeri Perak, jumlah penduduk Cina pada tahun 1911 seramai 217,206 dan pada 1921, meningkat kepada 224,586 orang manakala di Selangor, jumlah komuniti Cina pada tahun 1911 seramai 150,908 dan 1921 telah meningkat kepada 170,687 orang. Lihat dalam Lihat dalam The Census Of British Malaya (The Straits Settlement, Federated Malay States And Protected States Of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu and Brunai) 1921, hlm. 156.
- [6] CO439/4, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1928 by C. H. W. Cochrane, hlm. 104.
- [7] Keluasan Selangor adalah 3,200 batu persegi manakala Perak pula berkeluasan 6,500 batu persegi. Lihat dalam Federated Malay States: Census of the Population 1901, hlm. 25.
- [8] Jumlah penduduk Selangor mengikut bancian pada tahun 1931 adalah berjumlah 533,197 orang dan Perak pula berjumlah 765,989 orang. Lihat dalam British Malaya: A Report On The 1931 Census And On Certain Problems Of Vital Statistic, hlm. 126.
- [9] British Malaya: A Report On The 1931 Census And On Certain Problems Of Vital Statistic, hlm. 126, Malaya Comprising The Federation Of Malaya and The Colony Of Singapore: A Report On The 1947 Census Of Population, hlm. 136.
- [10] CO576/39, Federated Malay States: Report on the Prison for the year 1929 by D. Richards, Inspector of Prison, F.M.S., 27 March 1930, hlm. 427-428.
- [11] CO576/41, Federated Malay States: Report on the Prison for the year 1930 by D. Richards, Inspector of Prison, F.M.S., 2 April 1931, hlm. 540-541.
- [12] CO576/43, Federated Malay States: Report on the Prison for the year 1930 by O.L. Hancock, Inspector of Prison, F.M.S., 11 April 1932, hlm. 540-541.
- [13] Federated Malay States: Census of the Population 1901, hlm. 66, CO439/2, 1901, hlm. 15, Federated Malay States: Review Of The Census Operations And Results Including Tables Exhibiting The Population by Sex, Age, Birthplace, Religion And Occupation 1911, hlm. 96, The Census Of British Malaya (The

- Straits Settlement, Federated Malay States And Protected States Of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu and Brunai) 1921, hlm.163, British Malaya: A Report On The 1931 Census And On Certain Problems Of Vital Statistic, hlm. 185, Malaya Comprising The Federation Of Malaya and The Colony Of Singapore: A Report On The 1947 Census Of Population, hlm. 136.
- [14] CO576/39, Federated Malay States Police: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1928 by C. Hannigan, hlm. 381.
- [15] British Malaya: A Report On The 1931 Census And On Certain Problems Of Vital Statistic, hlm. 185, Malaya Comprising The Federation Of Malaya and The Colony Of Singapore: A Report On The 1947 Census Of Population, hlm. 136
- [16] CO438/5, Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the year 1932 by J. E. Kemple, hlm. 247.
- [17] CO439/3, Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1916 by E. G. Brodrick, 31 March 1917, hlm. 61.
- [18] SEL. SEC. 722/1909, 1908, hlm. 4, SEL. SEC. 51/1911, 1910, hlm. 2, SEL. SEC. 1030/1913, 1912, hlm. 5, SEL. SEC. 672/1915, 1914, hlm. 5, SEL. SEC. 1006/1916, 1915, hlm. 3, SEL. SEC. 842/1917, 1916, hlm. 2, SEL. SEC. 769/1918, 1917, hlm. 2, SEL. SEC. 787/1919, 1918, hlm. 2, SEL. SEC. 811/1922, 1921, hlm. 2, SEL. SEC. 821/1924, 1923, hlm. 2, SEL. SEC. 755/1927, 1926, hlm. 2, SEL. SEC. 877/1920, 1919, hlm. 3, SEL. SEC. 848/1925, 1924, hlm. 2, SEL. SEC. 951/1926, 1925, hlm. 2, SEL. SEC. 1025/1927, 1926, hlm. 2, SEL. SEC. 245/1928, 1927, hlm. 2, SEL. SEC. G. 239/1929, 1928, hlm. 2, SEL. SEC. G. 210/1930, 1929, hlm. 2, SEL. SEC. G. 351/1932, 1931, hlm. 3, CO439/3, 1914, hlm. 276, CO439/3, 1915, hlm. 309, CO439/3, 1916, hlm. 345, CO439/3, 1917, hlm. 342, CO439/3, 1918, hlm. 395.
- [19] CO438/3, Federated Malay States: Perak Administration Report for the year 1918 by R. G Watson, 18 March 1919, hlm. 267.
- [20] CO438/3, Federated Malay States: Perak Administration Report for the year 1919, by W.J P. Hume, Lieut-Col., hlm. 331.

RUJUKAN TAMBAHAN

British Malaya: A Report on the 1931 Census and On Certain Problems of Vital Statistic.

CO438/3. 1919. Federated Malay States: Perak Administration Report for the year 1918 by R. G. Watson, British Resident, 18 March 1919.

CO438/4. 1921. Federated Malay States: Perak Administration Report for the year 1920 by Lieut-Col. W. J. P. Hume, British Resident, 14 April 1920.

CO438/4. 1922. Federated Malay States: Perak Administration Report for the year 1921 by Major C.W. C. Parr, British Resident, 31 May 1922.

CO438/4. 1923. Federated Malay States: Perak Administration Report for the year 1922 by Major C.W. C. Parr, British Resident, 17 April 1923.

CO438/4. 1924. Federated Malay States: Perak Administration Report for the

- year 1923 by Lieut-Col. C. W. C. Parr, British Resident, 10 April 1924.
- CO438/4. 1925. Federated Malay States: Perak Administration Report for the year 1924 by Lieut-Col. C. W. C. Parr, British Resident, 22 April 1925.
- CO438/5. 1926. Federated Malay States: Perak Administration Report for the year 1925 by B. W. Elles, Acting British Resident, 19 April 1926.
- CO438/5. 1927. Federated Malay States: Perak Administration Report for the year 1926 by H. W. Thomson, British Resident, 6 April 1927.
- CO438/5. 1928. Federated Malay States: Perak Administration Report for the year 1927 by C. H. W. Cochrane, Acting British Resident, 9 March 1928.
- CO438/5. 1929. Federated Malay States: Perak Administration Report for the year 1928 by A. F. Worthington, British Resident, 4 April 1929.
- CO438/5. 1930. Federated Malay States: Perak Administration Report for the year 1929 by J. W. Simmons, Acting British Resident, 4 April 1930.
- CO438/5. 1931. Federated Malay States: Perak Administration Report for the year 1930 by B. W. Elles, British Resident, 7 May 1931.
- CO438/5. 1933. Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for the year 1932 by J. E. Kempe, Acting British Resident.
- CO439/3. 1912. Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1911 by E.G. Broadrick, 31 May 1912.
- CO439/3. 1913. Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1912 by E. G. Broadrick, 3 June 1913.
- CO439/3. 1914. Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1913 by E. Burnside, 13 August 1914.
- CO439/3. 1915. Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1914 by E. G. Broadrick, 29 March 1915.
- CO439/3. 1916. Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1915 by E. G. Broadrick, 6 April 1916.
- CO439/3. 1917. Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1916 by E.G. Broadrick, 31 March 1917.
- CO439/3. 1918. Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1917 by E.G. Broadrick, 11 April 1918.
- CO439/3. 1919. Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1918 by E.G. Broadrick, 14 April 1919.

- CO439/3. 1920. Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1919 by A. H. Lemon, 25 May 1920.
- CO439/3. 1921. Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1920 by O. F. Stonor, 16 May 1921.
- CO439/3. 1922. Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1921 by O. F. Stonor, 16 May 1922.
- CO439/3. 1923. Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1922 by O.F. Stonor, 15 April 1923.
- CO439/3. 1925. Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1924 by O.F. Stonor, 30 April 1925
- CO439/4. 1932. Federated Malay States: Selangor Administration Report for the year 1931 by T.S. Adam, 9 July 1932.
- CO439/4. 1932. Federated Malay States: Supplement to the F.M.S. Government Gazette, 1930. Contents: Selangor Administration Report for the year 1931 by T.S. Adam, 9 July 1932.
- CO439/4. 1934. Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1933 by T.S. Adams, 24 May 1934.
- CO439/4. 1935. Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1934 by W.D. Barron, 13 June 1935.
- CO439/4. 1936. Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1935 by T.S. Adams, 3 July 1936.
- CO439/4. 1937. Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1936 by S.W. Jones, 19 May 1937.
- CO439/4. 1938. Federated Malay States: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1937 by S.W. Jones, 24 June 1938.
- CO576/35. 1929. Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the year 1928 with Appendix by H. Marriot.
- CO576/39. 1929. Federated Malay States Police: Report on the State of Crime and the Administration of the Police Force for the year 1928 by C. Hannigan.
- CO576/39. 1930. Federated Malay States: Report on the Prison for the year 1929 by D. Richards, Inspector of Prison, F.M.S, 27 March 1930.
- CO576/41. 1931. Federated Malay States: Report on the Prison for the year 1930 by D. Richards, Inspector of Prison, F.M.S, 2 April 1931.

- CO576/43. 1932. Federated Malay States: Report on the Prison for the year 1930 by O.L. Hancock, Inspector of Prison, F.M.S, 11 April 1932.
- CO576/45, Review of Affairs in the Federated Malay States, 1932, Compiled in the Federal Secretariat from Information Supplied by Heads of Departments dalam Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the year 1932 with Appendix.
- Federated Malay States: Census of the Population 1901.
- Federated Malay States: Review Of The Census Operations And Results Including Tables Exhibiting The Population by Sex, Age, Birthplace, Religion And Occupation 1911. Compiled by: A. M. Pountney.
- Malaya Comprising The Federation Of Malaya and The Colony Of Singapore: A Report On The 1947 Census Of Population.
- SEC.SEL.722/1909, Annual Report on the Chinese Secretariat Selangor for the year 1908 by Protector of Chinese, Selangor & Negeri Sembilan.
- SEC.SEL.1030/1913, Annual Report on the Chinese Secretariat Selangor for the year 1912 by A. M. Poutney, Protector of Chinese, Selangor & Negeri Sembilan, 11 February 1913.
- SEC.SEL.672/1915, Annual Report on the Chinese Secretariat for the year 1914 by D. Bratty, Acting Protector of Chinese Selangor and Negeri Sembilan.
- SEC.SEL.1006/1916, Annual Report on the Chinese Secretariat, Selangor for the year 1915 by L.H. Clayton, Protector of Chinese, Selangor & Negeri Sembilan, 15 February 1916.
- SEC.SEL.842/1917, Annual Report on the Chinese Secretariat, Selangor for the year 1916 by L.H. Clayton, Protector of Chinese, Selangor & Negeri Sembilan, 13 February 1917.
- SEC.SEL.769/1918, Annual Report on the Chinese Secretariat, Selangor for the year 1917 by L.H. Clayton, Protector of Chinese, Selangor & Negeri Sembilan, 13 February 1918.
- SEC.SEL.787/1919, Annual Report on the Chinese Secretariat, Selangor for the year 1918 by L.H. Clayton, Protector of Chinese, Selangor & Negeri Sembilan, 12 February 1919.
- SEC.SEL.877/1920, Report on the Chinese Secretariat for the year 1919 by W. T. Chapman, Protector of Chinese, Selangor & Negeri Sembilan, 14 February 1920.
- SEC.SEL.755/1921, Annual Report of the Protector of Chinese Selangor & Negeri Sembilan for the year 1920 by J.V. Cowgill, Acting Protector of Chinese, 14 February 1921.
- SEC.SEL.811/1922, Annual Report of the Protector of Chinese Selangor for the year 1921 by G.S. Hellings, Acting Protector of Chinese, 15 February 1922.

- SEC.SEL.821/1924, Annual Report on the Chinese Protectorate Selangor for the year 1923 by D. Richards, Protector of Chinese, 15 February 1924.
- SEC.SEL.848/1925, Report on the Chinese Protectorate for the year 1924 by C.K. Muspratt, 13 February 1925.
- SEC.SEL.951/1926, Annual Report on the Chinese Protectorate Selangor for the year 1925 by A. B. Jordan, Acting Protector of Chinese, Kuala Lumpur, 12 February 1926.
- SEC.SEL.1025/1927, Annual Report on the Chinese Protectorate Selangor for the year 1926 by N. A. Worley, Acting Protector of Chinese, Kuala Lumpur, 14 February 1927.
- SEC.SEL.245/1928, Annual Report on the Chinese Protectorate Selangor for the year 1927 by W.H. Kingston, Protector of Chinese, Kuala Lumpur, 30 January 1928.
- SEC.SEL.239/1929, Annual Report on the Chinese Protectorate Selangor for the year 1928 by G.S. Hellings, Protector of Chinese, Kuala Lumpur, 30 January 1929.
- SEC.SEL.210/1930, Annual Report on the Chinese Protectorate Selangor for the year 1929 by E.C.S. Adkins, Acting Protector of Chinese, Selangor & Pahang, 27 January 1930.
- SEC.SEL.G.351/1932, Annual Report on the Chinese Protectorate Selangor for the year 1931 by John Jeff, Acting Protector of Chinese, Selangor & Pahang, 29 January 1932.
- The Census of British Malaya (The Straits Settlement, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu and Brunai) 1921.